



**JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR**

KENYATAAN TAWARAN

Sebut harga ini adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat yang berdaftar dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah **Gred 'G3' Kategori CE Sub Kategori CE 19 dan Permit C3 dari Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)** bertaraf bumiputera yang masih sah dan berkuatkuasa. Sila sertakan salinan Sijil Pendaftaran Syarikat Sijil Perolehan kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera tempoh sah lakunya masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan daripada tarikh tutup sebut harga ini dalam kod bidang yang berkaitan dan kriteria berkaitan seperti berikut:

KETERANGAN TAWARAN : CADANGAN MENAIKTARAF SISTEM KUMBAHAN DI PUSAT TAMAN LAUT PULAU PAYAR, KEDAH

NO. SEBUT HARGA : KASA/JPP/PULAUPAYAR/DOF/2022-Q2

JENIS TAWARAN : Terbuka

KOD BIDANG :

Kod Bidang	Bidang	Sub Bidang	Pecahan Sub Bidang
CE19	PEMBINAAN KEJURUTERAAN AWAM	SISTEM PEMBETUNGAN	MENJALANKAN APA-APA PEMBINAAN, PEMASANGAN ATAU PENGUBAHSUAIAN KEPADA MANA-MANA BAHAGIAN SUATU SISTEM PEMBETUNGAN

TARIKH MULA TAWARAN : 10/8/2022 (Rabu)

TARIKH TUTUP TAWARAN : 24/8/2022 (Rabu)

TEMPOH SAH LAKU : 90

LOKALITI :

lokasi

Negeri
KEDAH

Kehadiran pada taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** untuk menyertai sebut harga ini dan dokumen sebut harga boleh diperolehi dengan membawa **Sijil Asal beserta dengan salinan pendua (tidak dikembalikan)** semasa membeli dokumen sebutharga. **Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), SPKK atau Kementerian Kewangan sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini.** Bayaran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk Deraf Bank/Kiriman Wang/Wang Pos di atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai dan cek tidak akan diterima

Perihal	Tarikh / Masa	Lokasi	Pegawai Penyelaras	Kehadiran Maksima
Taklimat Cadangan Menaiktaraf Sistem Kumbahan Di Pusat Taman Laut Pulau Payar, Kedah	15/08/2022 (Isnin) 11.00 Pagi	Jeti Taman Laut Pulau Payar, Kedah	Ir. Mustafa Kamal En Yusli Nasrin En. Mohd. Nuur Hafiizh (019-7748782)	1 orang (kehadiran adalah diwajibkan)

Dokumen Sebut Harga boleh didapati dari tarikh **16 Ogos 2022 (Selasa)** hingga **18 Ogos 2022 (Khamis)** di pejabat Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Kementerian Alam Sekitar Dan Air, Aras 3, Blok B, Suasana PjH, No.2, Jalan Tun Abd Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya dengan menyertakan wang pos/wang kirimanpos/draf bank berharga **RM50.00** yang dibuat di atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**.

Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga No. 1** di Pejabat Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Kementerian Alam Sekitar Dan Air, Aras 3, Blok B, Suasana PjH, No.2, Jalan Tun Abd Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, 24 Ogos 2022 (Rabu)**.

Kontraktor atau wakil kontraktor yang sah hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan penjarakan sosial oleh KKM dan MKN.

Perincian Taklimat

1. PERTANYAAN / PENJELASAN LANJUT

Semua pertanyaan tentang urusan sebut harga hendaklah dibuat samada secara bertulis, telefon atau faks sebelum tarikh tutup sebut harga ke alamat seperti di bawah;

Alamat : Bahagian Perundingan Teknikal
Sektor Konsultansi Dan Khidmat Teknikal
Jabatan Perkhidmatan Pembetungan
Kementerian Alam Sekitar Dan Air
Aras 2&3, Blok B Suasana PjH
No.2 Jalan Tun Abd Razak, Presint 2
62100 Putrajaya Malaysia.

Telefon: 03-8861 9000

Faks : 03-8861 9010

2. HARGA TAWARAN

Harga yang ditawarkan mestilah dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan mestilah tidak melebihi dua angka perpuluhan sebagai contoh : RM0.12/unit.

3. PEMBAYARAN

Semua pembayaran dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja. Bayaran sepenuhnya akan dibuat dalam tempoh empat belas (14) hari setelah pihak kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.